

Lawatan Penanda Aras & Perlawanan Persahabatan Bola Tampar INSTUN vs ILKKM Sungai Buloh

13 Mei 2026 - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima kunjungan hormat bagi Program Lawatan Penanda Aras daripada Institut Latihan Kementerian Kesihatan (ILKKM) Sungai Buloh yang diketuai oleh Tuan Wong Kim Han @ Robert. Delegasi ini disambut oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dan pegawai-pegawai kanan INSTUN. Pihak ILKKM Sg. Buloh mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh Tuan Pengarah di Bilik Mesyuarat Melati.

Selesai sesi lawatan tersebut, satu perlawanan persahabatan bola tampar antara kedua-dua pasukan diadakan di Gelanggang Bola Tampar INSTUN yang melibatkan kategori wanita, lelaki dan campuran. Perlawanan berlangsung dalam suasana penuh semangat kesukanan dan persaingan sihat antara kedua-dua pasukan.

Kedua-dua pasukan telah mempamerkan komitmen dan semangat juang yang tinggi sepanjang perlawanan berlangsung. Program ini turut menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua institusi serta menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga kerja.







